Pusat mini pantau teroka haram

» *Kaedah sistematik bagi selaras maklumat tangani masalah*

Oleh Shaarani Ismail
shaarani@bh.com.my

Gua Musang

*G Palanivel (kanan) dan Zoal Azha (tiga dari kanan) melihat peta kawasan yang terjejas teruk akibat pencerobohan hutan tanah tinggi, manakala **(gambar kanan)** kawasan berhampiran Gunung Yong Belar yang terjejas teruk hingga menjejaskan aliran sungai di Cameron Highlands, Pahang.* [FOTO MUHAIZAN YAHYA/BH]

Sebuah Pusat Operasi Mini akan ditubuhkan khusus bagi memantau dan mengawal kegiatan penerokaan tanah tinggi dan kawasan sekitar secara haram untuk pertanian.

Pusat berkenaan akan dianggotai pegawai Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS), Jabatan Perhutanan dan Jabatan Alam Sekitar (JAS) serta diletakkan terus di bawah Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar.

Ketua Setiausaha kementerian, Datuk Seri Zoal Azha Yusof, berkata pusat itu akan menyelaras maklumat yang diperoleh berhubung kegiatan itu dan akan melaksanakan pendekatan yang sistematik dalam mengatasi serta mengawal penerokaan tanah secara haram.

"Pusat itu akan dibangunkan awal bulan depan dan akan dianggotai antara 10 hingga 15 pegawai serta kakitangan tiga jabatan terbabit yang berpusat di Cameron Highlands.

"Kita akan gerakkan pusat itu berpandukan kekuatan yang kita ada di Cameron Highlands kerana ketika ini kementerian berhadapan masalah kekurangan kakitangan.

"Bagaimanapun beberapa anggota daripada tiga jabatan di Cameron Highlands sedia ada akan dipinjamkan untuk tujuan itu," katanya selepas meninjau kawasan pencerobohan hutan tanah tinggi untuk pertanian, di sini, yang bersempadan dengan Cameron Highlands, semalam bersama Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Datuk Seri G Palanivel.

> "***Pusat itu akan dibangunkan awal bulan depan*** *dan akan dianggotai antara 10 hingga 15 pegawai serta kakitangan tiga jabatan terbabit yang berpusat di Cameron Highlands"*
>
> ***Zoal Azha Yusof,***
> *Ketua Setiausaha Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar*

Lapor pencerobohan hutan

Zoal Azha berkata, pusat berkenaan akan melaporkan segala maklumat yang diperoleh membabitkan pencerobohan kawasan hutan untuk pertanian kepada kementerian secara mingguan untuk diambil tindakan segera.

Tinjauan semalam mendapati kawasan penerokaan haram itu yang terletak berhampiran dengan Gunung Yong Belar, yang menjadi tarikan pendaki di seluruh negara kini agak terjejas dan mencemarkan alam sekitar dan memberikan kesan jangka panjang.

Kawasan itu yang terletak di laluan Cameron Highlands-Gua Musang terletak kira-kira lapan kilometer dari laluan utama dan hanya boleh dimasuki menggunakan kenderaan pacuan empat roda.

Selain itu, Zoal Azha berkata, unit penguatkuasaan kementerian juga sudah mengadakan Ops Khas pada Julai lalu di kawasan sekitar Blue Valley Cameron Highlands yang dilaporkan diteroka secara haram, namun gagal menahan mana-mana individu yang bertanggungjawab.